

24/09/1999

Yang di-Pertuan Agong ditabal (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj hari ini ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11 pada istiadat gilang-gemilang di Balairong Seri, Istana Negara.

Turut berangkat pada istiadat itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah.

Sebelum Seri Paduka melafazkan ikrar jawatan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membacakan Surat Perisytiharan mengenai pemasyhuran Sultan Salahuddin sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-11.

Ini diikuti persembahan Keris Kerajaan kepada Seri Paduka. Keris itu kemudiannya dihunus dan dikucup oleh Seri Paduka.

Ketika bertitah di upacara berkenaan, Sultan Salahuddin meminta rakyat terus menyokong dan menghormati sistem demokrasi berparlimen bagi menentukan negara terus stabil dan maju.

Seri Paduka bertitah, kemampuan rakyat pelbagai kaum hidup aman dan damai, di samping menghormati kehendak sistem yang termaktub dalam Perlembagaan, menjadi kebanggaan negara.

"Negara kita mengamalkan sistem kerajaan berasaskan demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan seperti termaktub dalam Perlembagaan," titahnya.

Dalam hal ini, Sultan Salahuddin bertitah adalah penting rakyat terus memberi kerjasama kepada usaha kerajaan, di samping mempererat lagi hubungan antara satu sama lain.

Seri Paduka bertitah, hubungan kaum yang harmonis ini penting bagi menentukan negara terus berada dalam keadaan aman dan stabil.

"Rakyat sudah tentu boleh berfikiran waras untuk memilih apa yang baik dan menolak perkara yang boleh membawa keburukan. Niat jahat pihak tertentu untuk menghakis kepercayaan rakyat kepada kerajaan hendaklah ditentang habis-habisan.

"Beta berharap rakyat pelbagai kaum tidak terpengaruh dan diperalatkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini. Ini kerana tugas utama kita sekarang ialah untuk memulihkan sepenuhnya ekonomi negara.

"Beta juga berharap rakyat akan sentiasa berusaha dengan lebih gigih dan sentiasa memupuk keharmonian kaum bagi menjamin keamanan negara berterusan dan negara akan terus maju, aman dan makmur," titahnya.

Sultan Salahuddin turut berharap proses pilihan raya umum yang bakal diadakan di negara ini dapat berjalan lancar dan selamat tanpa kejadian buruk.

"Alhamdulillah, Beta bersyukur kerana sehingga kini proses pilihan raya di negara ini berjalan lancar dan tidak dicemari kejadian tidak diingini. Beta berharap pilihan raya kali ini berjalan lancar, licin dan selamat tenteram tanpa kejadian buruk," titahnya.

Seri Paduka bertitah, keistimewaan negara pelbagai kaum ini ialah sifat ketimuran yang menekankan nilai murni, beretika tinggi, bersopan santun dan memelihara keharmonian kekeluargaan.

Titahnya, adalah diharapkan dalam mengejar kemajuan, rakyat tidak mengeneipkan nilai ketimuran mereka yang menjadikan rakyat Malaysia tertib dan setia kepada negara.

Seri Paduka mahu rakyat sentiasa bersyukur di atas nikmat yang dikurniakan dan mengelak daripada dikuasai oleh nilai Barat yang sering mementingkan kebebasan diri tanpa menghiraukan kepentingan masyarakat.

Sikap seperti ini, titah baginda, boleh membawa padah kepada prinsip demokrasi yang berasaskan kepada sistem raja berperlembagaan.

Sultan Salahuddin juga melahirkan rasa bersyukur ekonomi negara terus menunjukkan pemulihan dan berpendapat bahawa langkah-langkah tegas serta berani kerajaan untuk menangani kegawatan ekonomi serta kewangan, banyak membantu ke arah pemulihan.

"Beta yakin dengan usaha yang bersungguh-sungguh oleh kerajaan di samping rakyat sanggup bekerja lebih kuat dan tekun, negara akan dapat mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi daripada yang diramalkan. Ini tidak mustahil kerana rakyat negara ini sudah terbukti kemampuan dan keupayaan mereka.

"Insya-Allah, pada tahun depan kedudukan ekonomi negara akan lebih kukuh dengan pertumbuhan dijangka pada paras lebih lima peratus. Walaupun kini negara kian pulih, Beta berharap rakyat akan terus berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara," titah baginda.

Sultan Salahuddin turut mengucapkan terima kasih atas ucapan tahniah dan ikrar taat setia kerajaan dan rakyat negara ini atas pertabalan itu.

(END)